



**TAWARAN BIASISWA KHAS DATO` MENTERI BESAR SELANGOR (TKWBNS)  
DAN  
DERMASISWA ZAKAT (MAIS)  
BIDANG PENGAJIAN ISLAM DAN BAHASA ARAB  
KE UNIVERSITI DI MESIR DAN JORDAN SESI 2019/2020**

**SYARAT AM**

Pemohon mestilah terdiri dari Rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang memenuhi kriteria-kriteria seperti berikut:

1. Pemohon, ibu dan bapa Warganegara Malaysia.
2. Pemohon lahir di Negeri Selangor; **ATAU**  
Ibu atau bapa lahir di Negeri Selangor; **ATAU**  
Pemohon telah bermastautin lebih dari tiga (3) tahun di Negeri Selangor.

**SYARAT KHUSUS**

**MESIR (PENGAJIAN ISLAM/BAHASA ARAB)**

**STAM ( 2018 )**

- Memperolehi pangkat **Mumtaz** di dalam peperiksaan STAM; **DAN**
- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan **kepujian** dalam mata pelajaran **Bahasa Malaysia** dan **Bahasa Inggeris SERTA** sekurang-kurangnya **Gred B+** bagi mata pelajaran Bahasa Arab.
- **Keutamaan** diberikan kepada pemohon yang mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya.

**MESIR (ULUM ISLAMIAH)**

**SPM (2018)**

- Memiliki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dengan memperolehi **kepujian** sekurang-kurangnya **Gred B** bagi semua mata pelajaran yang diambil; **DAN**
- Sekurang-kurangnya **Gred A-** dalam peperiksaan SPM bagi mata pelajaran **Bahasa Arab Tinggi, Pengajian Syariah Islamiah dan Pengajian al-Quran dan as-Sunnah; SERTA**
- Sekurang-kurangnya memperolehi kepujian bagi mata pelajaran selebihnya **DAN**

- **Keutamaan** diberikan kepada pemohon yang mempunyai Sijil Khatam Tahfiz al-Quran (SKTQ) dan Sijil Menengah Agama Tahfiz al-Quran (SMATQ) atau yang setaraf dengannya ; **ATAU**
- Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya

**JORDAN (PENGAJIAN ISLAM / BAHASA ARAB)**

**SPM (2018)**

- Mempunyai Sijil Pelajaran Malaysia dengan memperoleh sekurang-kurangnya kepujian **Gred A-**, bagi mata pelajaran **Bahasa Arab Tinggi, Pengajian Syariah Islamiah dan Pengajian al-Quran dan as-Sunnah; SERTA**
- Sekurang-kurangnya **Gred B** bagi mata pelajaran selebihnya.
- **Keutamaan** diberikan kepada pemohon yang mempunyai Sijil Khatam Hafazan Al-Quran dan Sijil Menengah Agama Tahfiz AlQuran ( SMATQ ) dari Maahad Integrasi Tahfiz Negeri Selangor atau yang setaraf dengannya dari mana-mana sekolah; **ATAU**
- Mendapat sekurang-kurangnya pangkat **Jayyid Jiddan** dalam peperiksaan Sijil Menengah Agama (SMA) atau yang setaraf dengannya

**CARA MEMOHON:**

1. Borang permohonan boleh dimuat turun mulai **22 Januari 2019** melalui laman web berikut:
  - a) [tkwbns.selangor.gov.my](http://tkwbns.selangor.gov.my)
  - b) [www.zakatselangor.com.my](http://www.zakatselangor.com.my)
  - c) [pendidikan.jais.gov.my](http://pendidikan.jais.gov.my)
2. Pemohon perlu melampirkan **Slip Permohonan** dari Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).
3. Tarikh tutup permohonan:
  - a) STAM - **8 Februari 2019 (Jumaat).**
  - b) SPM - **14 hari daripada tarikh keputusan rasmi Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dikeluarkan.**
4. Pemohon dibenarkan membuat permohonan bagi **satu (1)** negara dan **satu (1)** bidang sahaja.

5. Pemohon yang menggunakan borang permohonan Tawaran Biasiswa Khas Dato` Menteri Besar Selangor dan Dermasiswa Zakat (MAIS) sesi **2019/2020** sahaja akan diproses.
6. Pemohon yang telah berjaya dalam sesi pemilihan akan dipanggil untuk ujian bertulis dan temuduga.
7. Sekiranya pemohon tidak mendapat jawapan dalam tempoh 30 hari daripada tarikh tutup, permohonan anda dianggap **tidak berjaya.**
8. Sebarang pertanyaan atau keterangan lanjut, sila hubungi ditalian berikut:

Unit Pengajian Tinggi , Jabatan Agama Islam  
Selangor- 03 5514 3576
9. Borang permohonan yang telah lengkap diisi bersama dokumen sokongan yang disahkan oleh pegawai Kumpulan A hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Unit Pengajian Tinggi, Bahagian Pendidikan Islam,  
Jabatan Agama Islam Selangor,  
Tingkat 3, Menara Utara,  
Bangunan Sultan Idris Shah,  
No. 2, Persiaran Masjid, Bukit SUK, Seksyen 5,  
40676 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.**